

## Pertandingan puisi sempena kempen Kami Prihatin

V.M.(1K/0)  
Kehj. 1/1/11  
m.26

KUANTAN 18 Jan. – Gejala sosial dan pembuangan bayi di kalangan generasi muda yang berlaku sejak akhir-akhir ini semakin membimbangkan apatah lagi melibatkan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT).

Menyedari keprihatinan tersebut, Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil pendekatan dengan menjadikan puisi sebagai pemangkin mendekatkan masyarakat dalam memberi pendidikan dan mesej kesedaran menangani masalah berkenaan.

Justeru, UMP dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi, Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (Makum) bakal menganjurkan Pertandingan Lagu Puisi IPT sempena Kempen Kami Prihatin 'Apakah Dosaku' di Dewan Astaka, UMP di Gambang di sini pada 23 Januari ini.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, puisi berunsurkan nasihat itu merupakan salah satu medium dalam menyampaikan mesej berguna untuk membentuk masyarakat prihatin dan penyayang.

Beliau berkata, persembahan lagu puisi sesuai dijadikan wadah dalam menyampaikan mesej kesedaran dengan cara tersendiri, kreatif dan mudah diterima generasi muda hari ini sekali gus penganjurannya merupakan usaha masyarakat kampus bagi menyokong kerajaan menangani masalah sosial selain meningkatkan kesedaran tentang isu tersebut.

Menurutnya, pertandingan sebegini secara tidak langsung menarik minat generasi muda untuk menghayati sastera dalam menyampaikan mesej berguna kepada orang ramai.

"Inisiatif ini pada awalnya merupakan cetusan idea Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Matahari yang melihat warga kampus juga berperanan dalam membangunkan masyarakat," katanya di sini hari ini.

Tambah Daing Nasir, beliau berbangga dengan usaha yang dilakukan dan berharap banyak lagi program sukarelawan dapat diadakan bagi menjayakan kempen tersebut.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Yusarie Zainuddin berkata, pertandingan puisi tersebut dijangka dapat mengumpulkan 80 peserta dari seluruh IPTA tersebut.

Jelas beliau, mereka bergabung untuk menyampaikan kesepadan suara dan keprihatinan mahasiswa terhadap masalah gejala sosial, penderaan serta kanak-kanak di Malaysia.

"Puisi ini akan dilagukan secara individu atau berkumpulan dengan irungan muzik.

"Mereka yang berjaya menjadi johan akan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM3,000 manakala naib johan dan tempat ketiga menerima sebanyak RM1,000," tambahnya.